

BAB 3

LATAR BELAKANG

PENDATANG FILIPINA DI KAMPUNG BAKAU

3.1 Kumpulan Etnik dan Tempat Asal


Menurut Banci Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP), jumlah etnik Filipina yang terbesar di Seluruh Sabah adalah etnik Bajau yang menyandang sebanyak 38% dari jumlah pendatang tanpa izin Filipina seramai 148, 439 orang (lihat carta 3.1). Etnik Suluk pula merupakan kumpulan yang kedua terbesar (37%) diikuti oleh etnik Visayas (16%). Etnik yang lain seperti Iranun, Ilocano, Tagalog, Meranau, Maguindao, Kalibugan, Zamboangenia, Penutaran, Jama Mapun, Ilunga, Yakan, Balabac, Cagayan dan Palawan berjumlah seramai 13, 457 orang (9%).¹

Orang Suluk yang juga dikenali sebagai ‘Tau Sug’ merupakan kumpulan orang Islam di kawasan pantai di Utara dan Timur Laut Borneo (Sabah). Mereka dipercayai berasal dari Pulau Jolo di Selatan Filipina di bawah naungan Kesultanan Sulu. Pada dua abad lalu, orang Suluk ini menjalankan aktiviti perdagangan dalam zon lingkungan Selatan Filipina dengan Timur Laut Borneo. Pada masa sekarang zon tradisi Sulu terpisah melalui sempadan Sabah dan Filipina (Junaidi, 1994: 34).

Orang Bajau yang didapati di sepanjang Pantai Timur Sabah, lebih dikenali sebagai Bajau Pantai Timur. Seperti orang Suluk, Bajau Pantai Timur ini juga berasal dari Selatan Filipina. Mereka terdiri dari dua kumpulan sub-etnik yang berlainan dialek

¹ Maklumat Banci dari **Pasukan Petugas Khas Persekutuan** Pada 15 April 1996. Etnik lain yang diberikan juga berdasarkan nama tempat asal kepulauan yang didiami di Filipina.

dan cara hidup iaitu etnik Bajau Sama dan Bajau Samal (Bajau Laut). Pada dekad ini, Bajau Sama merupakan orang yang beragama Islam terlibat dengan aktiviti pertanian dan tinggal di kawasan bandar mana kala Bajau Samal atau Bajau Laut merupakan orang yang tinggal di dalam bot, kebanyakannya mereka bukan Islam (Junaidi, 1994: 34).



Sumber: Diubah suai dari maklumat Gerakan Banci Pendatang Asing Di Sabah Oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan pada 15 April 1996 (Tidak Diterbitkan).

Di Kampung Bakau ini majoriti pendatang Filipina yang ada berasal dari etnik Suluk dan Bajau. Yang lain-lainnya ialah kebanyakan mereka masih tinggal secara berkelompok mengikut suku kaum, namun terdapat juga sebilangan daripada mereka yang telah berkahwin campur di antara etnik Suluk dan Bajau serta etnik-etnik tempatan yang lain seperti Bugis, Idahan, Iranun dan Tidong. Keadaan ini agak sama dengan kawasan-kawasan lain seperti yang dapat dilihat dalam kajian Kelana Jaman (1993/94:42-44) di Kampung BDC Sandakan dan Zulkiflie Hassan (1993/94:40) di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, di mana kebanyakan pendatang Filipina yang ada terdiri dari etnik Bajau dan Suluk.

Responden yang dipilih di Kampung Bakau ini terdiri dari tiga ketagori (lihat jadual 3.1). Kategori terbesar, 45 orang (80.4%) responden adalah terdiri dari etnik Suluk; diikuti oleh 12.5% etnik Bajau dan 1.8% Visayas. Lain-lainnya terdiri dari etnik campuran.

Jadual 3.1
Pecahan Kumpulan Etnik Responden

KUMPULAN ETNIK	BILANGAN	PERATUS (%)
SULUK	45	80.4
BAJAU	7	12.5
VISAYAS	1	1.8
SULUK+BAJAU	2	3.6
SULUK+IRANUN	1	1.8
JUMLAH	56	100

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996.

Jumlah etnik Suluk dan Bajau yang ramai mungkin ada kaitannya dengan polisi Kerajaan Sabah terhadap kedua-dua etnik ini. Suluk dan Bajau merupakan etnik yang disahkan oleh kerajaan negeri sebagai penduduk pribumi (Patricia Regis, 1989:433). Hal ini menyebabkan pendatang tanpa izin Filipina yang terdiri dari etnik tersebut begitu mudah berasimilasi dengan orang Suluk dan Bajau tempatan di Sabah setelah beberapa lama tinggal di Sabah.

Dari jadual 3.2 didapati 69.8% responden Filipina yang berada di Kampung Bakau adalah berasal dari Kepuluan Sulu (lihat peta 3.1). Dari jumlah itu seramai 39.6% berasal dari Pulau Jolo, Pulau Bongao (15.1%) dan Pulau Balatan (3.8%) di Kepulauan Tawi-Tawi, 9.4% dari Pulau Siasi mana kala 1.9% dari Pulau Sibutu. Mereka merupakan orang Filipina dari kampung-kampung seperti Kampung Toling (Pulau Siasi), Kampung Telisey (Pulau Sibutu), Kampung Tulai, Kampung Patikul, Kampung Tinda Laut,

Kampung Parang, Kampung Pata, Kampung Guansa dan Kampung Bose-Bose (Pulau Jolo).

Jadual 3.2
Tempat Asal Responden Sebelum berhijrah Ke Sabah

KEPULAUAN	DAERAH	KAMPUNG ASAL	BILANGAN	PERATUS (%)
KEPULAUAN SULU	SIASI SIBUTU JOLO	TOLING	1	
		TIADA NAMA KG.	4	
		TELISEY	1	
		TULAI	3	
		PATIKUL	1	} 69.8
		TINDA LAUT	1	
		PARANG	1	
		BATA	1	
		GUANSA	1	
		BOSE-BOSE	1	
	TAWI-TAWI	TIADA NAMA KG.	12	
		BONGAO	8	
		PULAU BALATAN	2	
MINDANAO	ZAMBOANGA	KG.TAPUL TIADA NAMA KG.	5 8	} 24.5
BASILAN	BASILAN	BASILAN CITY	2	3.8
TAK TAHU (SEBAB MASIH KECIL)	-	-	1	1.9
Dilahirkan di Sabah (Keturunan Filipina)			3	-
JUMLAH BERHIJRAH	-	-	53	100

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996.

Kecenderungan orang Sulu datang ke Sabah bukan sahaja kerana pulau-pulau ini berdekatan dengan negeri Sabah tetapi juga kerana ikatan sejarah yang menghubungkan Utara Borneo dengan Kesultanan Sulu seperti yang telah diuraikan dalam bab 2.



Sumber: Dipetik dari The Philippine Atlas Vol.1 : A Historical, Economic and Educational Profile of the Philippines, 1975, hlm 100.

Selain orang dari Kepulauan Sulu, di kampung ini juga ramai (24.5%) pendatang Filipina dari Kepulauan Mindanao khasnya mereka yang berasal dari daerah Zamboanga. Lain-lain pendatang Filipina berasal dari bandar Basilan (3.8%) di Kepulauan Basilan. Seramai 1.9% pula daripada responden tidak tahu tempat asal mereka di Filipina. Mereka memberi alasan semasa berhijrah ke Sabah, mereka masih lagi kecil. Ibu bapa mereka pula telah meninggal dunia dan tidak sempat memberitahu mereka hal berkenaan. Di kalangan responden terdapat juga tiga orang keturunan Filipina (etnik Suluk) yang dilahirkan di Sabah yang terpilih secara rawak sebagai responden. Bagaimanapun, mereka juga dimasukan dalam sampel kajian untuk melihat sejauh manakah golongan ini dapat berasimilasi dengan pendatang Filipina seketurunan dengan mereka yang datang kemudian.

Kajian ini mendapati ramai penduduk di kampung ini terdiri dari pendatang Filipina dari tempat asal yang sama. Mereka merupakan ahli keluarga dan saudara yang hidup secara berkelompok-kelompok sesama sendiri. Biasanya rumah tempat mereka tinggal adalah berdekatan ataupun bersambung antara satu sama lain. Untuk mengelakkan '*bias*' dalam persampelan kajian ini, maka sebilangan ahli keluarga dan saudara mara responden tidak terpilih menjadi sampel kajian.

3.2 Bahasa

Majoriti pendatang Filipina di Kampung Bakau menggunakan bahasa ibunda mereka ketika berinteraksi dengan ahli-ahli keluarga seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.3. Hampir semua (98.2%) responden di kampung ini menggunakan bahasa Suluk sebagai bahasa perhubungan sehari-hari di rumah. Sungguhpun begitu mereka juga

menggunakan bahasa Melayu (55.4%) bahasa Bajau (25%) dan bahasa lain seperti bahasa Visayas dan Idahan.

Jadual 3.3
Bahasa Perhubungan Seharian

BAHASA	KEMAHIRAN BAHASA		
	YA	SEDIKIT	TIDAK BOLEH
B. SULUK	55 (98.2%)	1 (1.8%)	0
B. BAJAU	14 (25%)	0	0
B. MELAYU	31 (55.4%)	2 (3.6%)	23 (41.1%)
B.LAIN	2 (3.6%)	0	54(96.4%)

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996.


Nota; Bilangan Responden 56 orang.

Di kalangan pendatang Filipina ini, ada juga yang boleh menggunakan bahasa lain dari bahasa ibunda mereka. Mereka menggunakan berbagai-bagai bahasa dalam perhubungan sehari-hari bergantung kepada keadaan. Biasanya bahasa ibunda sering digunakan apabila mereka berinteraksi sesama etnik mereka. Bahasa Melayu pula digunakan apabila berinteraksi dengan penduduk dari kampung lain atau orang tempatan.


Ibu bapa responden pula, lebih suka menggunakan bahasa Melayu ketika berinteraksi dengan anak-anak mereka. Ini kerana mereka ingin membiasakan anak-anak mereka berbahasa Melayu agar boleh mengikuti pembelajaran ketika di sekolah. Justeru itu sebahagian daripada anak-anak mereka yang masih berada di bangku sekolah kurang mahir menggunakan bahasa ibunda dan ada juga langsung tidak tahu. Boleh diandaikan generasi anak-anak mereka pada masa akan datang (generasi ke-3) tidak akan dapat menguasai bahasa ibunda tetapi mereka akan lebih mahir dalam bahasa Malaysia.

3.3 Agama

Majoriti pendatang Filipina di Sabah adalah beragama Islam. Dari kajian Ho Ting Seng (1989), didapati 80% isi rumah (57,273 orang) pendatang Filipina di Sabah adalah beragama Islam dan 19% (14,319 orang) bukan Islam dan selebihnya pula tidak ada pegangan agama (Ho Ting Seng, 1989:229). Dari laporan Gerakan Banci dan Pendaftaran Pasukan Petugas Khas Persekutuan (PPKP), jumlah yang beragama Islam mencapai seramai 118,751 orang (80%) dan bukan Islam seramai 29,687 orang (20%) seperti yang ditunjukkan dalam carta 3.2. Di Kampung Bakau ini, pendatang Filipina yang beragama Islam lebih ramai (98%) dan mereka terdiri dari etnik Bajau dan Suluk. Golongan yang beragama Kristian pula hanya 2% sahaja dan mereka adalah orang Visayas yang datang dari Kepulauan Mindanao di daerah Zamboanga (lihat carta 3.3).



SUMBER: Diubah suai Dari Maklumat Banci PPKP Pada 15 April 1996



Komposisi penduduk di kawasan kajian ini berbeza dari masyarakat pendatang Filipina di Bahagian Pantai Barat Sabah. Di Bahagian Pantai Barat Sabah misalnya di Kampung Pondo Pulau Gaya, Kota Kinabalu semua pendatang Filipina yang membuat penempatan di sana terdiri dari orang Islam sahaja (Rafidah Karaman, 1989 & Zulkiflie Hassan, 1994). Di kampung ini, seperti juga di kawasan lain di Bahagian Pantai Timur Sabah, di antara pendatang-pendatang Filipina terdapat juga mereka yang bukan Islam.

Para responden menjalani kehidupan sama seperti umat Islam yang lain. Pada siang hari mereka bersembahyang secara berjemaah di kalangan masyarakat kampung sama ada di surau atau masjid. Namun, bilangan yang bersembahyang ini sedikit iaitu antara 15 hingga 20 orang sahaja dan kebanyakannya golongan tua. Tetapi semasa sembahyang Jumaat dan Hari Raya Adil A'dha, surau atau masjid yang ada tidak dapat menampung jumlah penduduk kampung yang sembahyang secara berjemaah di sana.

Selain dari itu pada waktu pagi semasa menjalankan kajian soal selidik di kampung ini didapati ada para ibu (pendatang Filipina) yang mahir mengaji Al-Quran mengajar anak-anak mereka membaca Al-Quran. Setiap hari malam Jumaat, selepas sahaja sembahyang Maghrib mereka juga mengadakan aktiviti ceramah agama di surau-

surau yang dikendalikan oleh pihak-pihak Majlis Ugama Islam, Lahad Datu dan imam-imam kampung.

3.4 Ahli Rumah Tangga

Seramai 56 orang responden dalam kajian ini adalah ketua rumah tangga yang mewakili 487 orang ahli rumah tangga. Dari jumlah ahli rumah tangga seramai 255 orang (52.3%) adalah lelaki dan 232 orang (47.6%) perempuan (lihat jadual 3.4). Jumlah isi rumah ini merupakan 12.2% daripada 4000 orang² pendatang Filipina di Kampung Bakau yang terdiri dari pendatang asing dan warga negara Malaysia.

**Jadual 3.4
Isi rumah Responden**

BILANGAN RUMAH	ISI	KEKERAPAN	PERATUS(%)
< 5 Orang	3	5.4	
05 - 10 Orang	41	73.2	
11 - 15 Orang	10	17.9	
16 - 20 Orang	1	1.8	
21 - 25 Orang	0	0	
> 25 Orang	1	1.8	
JUMLAH	56		100

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Julai 1996.

Bilangan ahli dalam satu-satu unit rumah tangga responden ialah antara 4 hingga 28 orang. Bagaimanapun, kajian ini mendapati paling ramai responden (63.2%) mempunyai isi rumah seramai 5 hingga 10 orang. Oleh kerana, setiap unit rumah tangga ini mempunyai bilangan keluarga ramai dan paling rendah seramai 4 orang maka purata

²


Maklumat ini diberikan kepada penulis oleh **Encik Rafail Bin Pala** selaku Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Masyarakat Pelarian (JKKKMP) pada 6/5/96 dan **Bahagian Penempatan, Jabatan Ketua Menteri** pada (17/6/96).

si rumah juga adalah besar iaitu seramai sembilan orang. Purata isi rumah ini berbeza dari purata yang diperolehi dari Bahagian Penempatan (Jabatan Ketua Menteri) iaitu seramai lima orang (banci 1993).³ Purata isi rumah di Kampung Bakau ini hampir sama dengan kajian Zulkiflie Hassan (1994:39) terhadap pendatang Filipina di Pulau Gaya dan kajian Norlia Appi (1996:27) di Daerah Lahad Datu di mana purata isi rumah di kalangan pendatang Filipina ialah seramai lapan orang.

Dalam kajian ini, didapati setiap responden mempunyai satu unit keluarga, yang terdiri dari empat orang iaitu suami isteri dan anak-anak. Tidak ada responden yang tinggal bersendirian dalam satu unit rumah tangga. Kandungan isi rumah yang paling ramai isi rumah ialah 28 orang, namun hanya seorang responden sahaja yang mempunyai isi rumah seperti ini. Kebanyakan (66%) unit keluarga yang mempunyai isi rumah lebih daripada 10 orang adalah terdiri dari keluarga luas dan keluarga gabungan.


Berdasarkan tinjauan di Kampung Bakau, pendatang Filipina di kampung ini terdiri dari seramai 19 buah (34%) keluarga asas, 11 buah (20%) keluarga luas dan 26 buah (46%) keluarga gabungan (lihat carta 3.4). Tidak ada seorang pun ketua isi rumah yang didapati dalam bentuk keluarga cantuman.

Carta 3.4: Pai Menunjukkan Bentuk Keluarga Setiap Isirumah



³ Bahagian Penempatan, JKM pada 17hb Jun 1996.

Bentuk Kekeluargaan Pendatang Filipina;




3.5 Umur Ahli Rumah Tangga

Pada keseluruhan isi rumah responden terdiri dari kanak-kanak hingga ke peringkat tua. Kira-kira 259 orang (53.2%) dari ahli rumah tangga berumur satu hingga 20 tahun: mereka merupakan golongan kanak-kanak dan remaja. Golongan yang kedua terbanyak 37.8% adalah orang dewasa (21 hingga 50 tahun). Terdapat juga 5.3% bayi di bawah 1 tahun dan 3.7% golongan tua berumur lebih dari 50 tahun (lihat jadual 3.5 dan carta 3.5).

Jadual 3.5
Peringkat Umur Setiap Isi rumah

KATEGORI UMUR (TAHUN)	PERINGKAT UMUR	BILANGAN	PERATUS (%)
< 01	Bayi	26	5.3
01 – 10	Kakak2	173	35.5
11 – 20	Kanak2 & Remaja	86	17.7
21 – 30	Dewasa	95	19.5
31 – 40	Dewasa	68	14.0
41 – 50	Dewasa	21	4.3
> 50	Tua	18	3.7
JUMLAH	-	487	100

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996.



3.6 Rumah dan Taraf Pemilikan

Didapati 96.4% dari responden mempunyai rumah sendiri dan 3.6% pula menyewa (lihat jadual 3.6). Dari jumlah pemilik rumah, 57.1% membina rumah masing-masing mana kala yang lainnya 39.3% membeli rumah, kebanyakannya secara tunai. Rumah yang dibina pula disiapkan dalam jangka masa yang agak lama. Ini disebabkan bahan binaan terdiri dari bahan-bahan terpakai yang dikumpul dari tempat-tempat kerja di sektor pembinaan. Ia dikumpul dan dibawa pulang oleh penduduk kampung setelah mendapat kebenaran dari majikan atau sebaliknya, ataupun dibeli secara berperingkat-peringkat. Rumah yang mereka bina dapat disiapkan sepenuhnya dalam jangka masa antara satu hingga empat tahun. Bagaimanapun sukar untuk menentukan sama ada rumah yang dibina oleh responden ini siap sepenuhnya atau tidak kerana dari masa ke semasa mereka akan sentiasa mengantikan papan-papan buruk, mengubah suai dan menambah bilik rumah apabila mempunyai wang yang lebih (lihat lampiran gambar 8, 16, 21 dan 22).

Jadual 3.6
Taraf Pemilikan Rumah Responden

PEMILIKAN RUMAH	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS (%)	BAYARAN TUNAI	BAYARAN ANSURAN
SEWA	2	3.6	-	-
SENDIRI (BELI)	22	39.3	19	3
SENDIRI (BINA)	32	57.1	31*	1
JUMLAH	56	100	50	4

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996.

Nota; Responden tidak perlu membeli tapak jika rumah mereka dibina berdekatan dengan rumah saudara mara, tetapi jika mereka membeli rumah mereka terpaksa membayar kos tapak.

Ketika mula-mula sampai di kampung ini, kebanyakan pendatang Filipina tidak memiliki rumah. Biasanya mereka pada mulanya menumpang sementara di rumah saudara mara yang lebih dahulu memiliki rumah di kampung ini. Apabila mereka mempunyai wang yang lebih barulah mereka mula mencari tapak yang sesuai untuk membina rumah. Tapak-tapak ini dibeli daripada penduduk kampung sama ada orang tempatan ataupun orang Filipina dengan harga dalam lingkungan RM 150 hingga RM 800 untuk satu unit rumah. Walaupun begitu, ada juga tapak rumah yang diminta dari saudara mara mereka dan biasanya tempat-tempat ini terletak berdekatan dengan rumah saudara mara tersebut. Namun setiap rumah yang dibina di kampung ini tidak mempunyai ‘geran pemilikan tanah’ dari pihak Jabatan Tanah dan Ukur Daerah Lahad Datu. Kesemua penduduk di kampung ini disahkan oleh pihak Majlis Daerah Lahad Datu sebagai setinggan.⁴


Di samping itu, ada juga sebilangan kecil (3.6%) pendatang Filipina yang baru masuk ke kampung ini yang menyewa rumah. Mereka mendapatkan rumah berkenaan sama ada melalui sahabat handai ataupun bertanya secara langsung kepada penduduk

⁴ Maklumat dari Majlis Daerah Lahad Datu, Sabah pada 13/06/96.


kampung. Biasanya mereka yang menyewa adalah terdiri dari mereka yang tidak mempunyai saudara mara di kampung ini. Mereka dikenakan sewa sebanyak RM 50 hingga RM 100 sebulan bergantung kepada saiz rumah yang disewa. Misalnya seorang dari responden telah dikenakan sewa sebanyak RM 50 sebulan dengan saiz rumah (tanpa bilik dan dapur) kira-kira 12 kaki panjang dan 12 kaki lebar (rujuk gambarajah 3.1) mana kala responden yang satu lagi dikenakan sewa sebanyak RM 100 sebulan dengan saiz rumah sebesar kira-kira 30 kaki panjang dan 20 kaki lebar dengan 3 bilik tidur di samping satu dapur, ruang tamu dan tandas (rujuk gambarajah 3.2).

Rumah di Kampung Bakau ini mengikut Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung berkenaan (lihat bahagian 2.3.2 bab 2) mula dibina pada 1980 an (lihat jadual 3.7). Dengan ini bermakna Kampung Bakau dibuka pada zaman pemerintahan parti Barjaya di bawah pimpinan Datuk Haris Salleh antara tahun 1976 hingga 1985. Dalam tahun 1980 hingga 1985 sebanyak 21.9% rumah mula dibina. Pembinaan rumah ini meningkat kepada 49.8% antara tahun 1986 hingga 1990. Ini disebabkan semakin ramai pendatang izin Filipina mula tertumpu membuat penempatan di kawasan ini. Sebelum ini orang Filipina menumpang sementara di rumah saudara mara yang menetap lebih awal di Kampung Bakau dan di kampung-kampung yang berhampiran seperti di Kampung Panji, Kampung Puyut, Kampung Air dan Kampung Ipil di daerah Lahad Datu.


GAMBARAJAH 3.1
MODEL I: BENTUK DAN SAIZ RUMAH SEWA PENDATANG FILIPINA DI KAMPUNG BAKAU, LAHAD DATU SABAH.




GAMBARAJAH 3.2
MODEL II: BENTUK RUMAH SEWA PENDATANG FILIPINA DI KAMPUNG BAKAU




GAMBARAJAH 3.3
MODEL III: BENTUK DAN SAIZ RUMAH PERSENDIRIAN PENDATANG FILIPINA DI KAMPUNG BAKAU



RAJAH 3.4
MODEL IV: BENTUK DAN SAIZ RUMAH PERSENDIRIAN MILIK PENDATANG FILIPINA DI KAMPUNG BAKAU



GAMBARAJAH 3.5
MODEL V: BENTUK DAN SAIZ RUMAH PERSENDIRIAN MILIK PENDATANG FILIPINA DI KAMPUNG BAKAU



Jadual 3.7
Tempoh Mula Dan Kos Pembinaan Rumah Responden

TAHUN BINA RUMAH	BILANGAN	%	RM < 1000	RM 1000-2000	RM 2001-3000	RM 3001-4000	RM 4001-5000	RM > 5000
< 1980	0	0	0	0	0	0	0	0
1980-85	7	21.9	0	0	4	0	2	1
1986-90	14	43.8	1	5	1	3	2	2
1991-95	10	31.3	3	5	0	0	1	1
(Jun)1996	1	3.1	1	0	0	0	0	0
JUMLAH	32	100	5	10	5	3	5	4

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996.

Sebanyak 31.3% dari rumah ini dibina pada tahun 1991 hingga 1995, dan hanya 3.1% lagi dibina setakat bulan Jun 1996. Pembinaan rumah di kampung ini semakin berkurangan sejak kebelakangan ini tetapi rumah yang sedia ada di tambah bilik atau disambung untuk menampung mereka yang baru datang dari Filipina.

Kos pembinaan rumah adalah berbeza-beza (lihat jadual 3.7 & 3.8). Kos yang paling rendah ditampung oleh responden untuk pembinaan rumah di kampung ini adalah kurang dari RM 1,000 (15.6%) iaitu dengan kos sebanyak RM 250. Ini adalah kerana bahan binaan rumah sebahagiannya tidak dibeli. Bahan-bahan binaan rumah seperti papan, kayu, zink dan papan pelapis dari tempat-tempat kerja diambil dan dikumpul secara percuma terutamanya bagi mereka yang bekerja di sektor pembinaan. Ada pula yang membina rumah kecil dan oleh itu dapat menurunkan kos di bawah RM 1,000 (lihat lampiran gambar 3, 4, 6, 16, 21 dan 22). Kemudian rumah berkenan dibesarkan secara berperingkat-peringkat setelah mereka mempunyai wang yang lebih. Saiz dan bentuk rumah mereka adalah pelbagai seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah-gambarajah yang dilakarkan (gambarajah 3.3, 3.4 dan 3.5).

Jadual 3.9
Harga Rumah dan Masa Pembelian

TAHUN BELI RUMAH	BIL	%	RM < 500	RM 500- 1000	RM 1001- 1500	RM 1501- 2000	RM 2001- 2500	RM > 2500
< 1980	0	0	0	0	0	0	0	0
1981-85	0	0	0	0	0	0	0	0
1986-90	4	18.2	0	0	0	0	2	2
1991-95	11	50	1	5	0	2	1	2
(Jun) 96	7	31.8	6	0	1	0	0	0
JUMLAH	22	100	7	5	1	2	3	4

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996.

Harga belian rumah di Kampung Bakau adalah rendah berbanding dengan kos pembinaan. Misalnya seseorang responden hanya perlukan sekurang-kurangnya RM 150 hingga RM 2,800 untuk membeli rumah tetapi jika membina rumah ia perlukan kos yang lebih tinggi iaitu kira-kira RM 400 hingga lebih dari RM 5,000 malah terpaksa menanti dalam jangka masa yang lama untuk disiapkan. Hal ini menyebabkan sejak kebelakangan ini orang Filipina yang masuk ke kampung berkenaan lebih suka mendapatkan rumah dengan cara membeli daripada pendatang Filipina (lihat lampiran gambar 7). Dengan cara ini mereka tidak perlu menangung kos yang tinggi bahkan boleh mengelakkan kos membeli tapak rumah dan boleh mendapatkan rumah dengan cepat.

Sebagai rumusan kajian ini mendapati bahawa lebih ramai (96.4%) pendatang Filipina di Sabah memiliki rumah sendiri berbanding menyewa (3.6%). Keadaan yang sama berlaku di daerah Sandakan di mana pendatang Filipina yang memiliki rumah sendiri mencapai 95% berbanding dengan penyewa sebanyak 5% (Kelana Jaman, 1994:59). Sebaliknya di Semenanjung Malaysia, bilangan pendatang Indonesia yang menyewa rumah lebih ramai berbanding dengan memiliki sendiri. Misalnya dalam kajian Khalid Mazlan (1988:82-87) seramai 75% responden adalah penyewa mana kala Junipah Wandi (1995:82) pula mendapati seramai 99% pendatang Indonesia menyewa rumah.

Dalam kajian ini ramai pendatang Filipina berusaha membina rumah sendiri mungkin kerana mereka merancang untuk menetap lama di Sabah. Lagipun kebanyakannya (92.5%) mereka telah menetap di Sabah lebih dari lima tahun. Dalam tempoh tersebut mungkin mereka sudah dapat menyesuaikan diri dengan keadaan tempatan dan memperolehi pendapatan yang stabil sehingga mereka mampu memiliki rumah sendiri.

Dari segi pembelian rumah, harga terendah di Sabah adalah lebih murah berbanding di Semenanjung Malaysia. Di Sabah harga terendah pembelian rumah pendatang Filipina hanya RM 250 mana kala RM 5,000 di Semenanjung Malaysia seperti yang dijelaskan dalam kajian Ahmad Yuslam (1997:109) terhadap pendatang Indonesia di Kampung Bumiputera, Kuala Lumpur. Dari segi sewa rumah pula, kadar sewa yang dibayar oleh pendatang Filipina di Sabah sama seperti kadar sewa pendatang Indonesia di Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak RM 50 hingga RM 150 sebulan seperti yang ditemui oleh Junipah Wandi (1991:49) di Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur dan lebih rendah berbanding dengan kadar sewa dalam kajian Junipah Wandi (1995:84) di daerah Gombak, Selangor dan Ahmad Yuslam (1995:110) iaitu antara RM 50 hingga RM 300 sebulan.

3.7 Identiti Peribadi Responden

3.7.1 Umur dan Jantina


Umur responden semasa kajian dijalankan ditunjukkan dalam jadual 3.10. Umur responden termuda ialah antara 21 hingga 30 tahun (23.2%). Ianya merupakan lingkungan umur yang kedua terbesar daripada responden yang ditemui bual. Responden dalam lingkungan umur antara 31 hingga 40 tahun merupakan golongan terbesar yang mewakili 45.3%.

Jadual 3.10
Taburan Umur Responden

UMUR	KEKERAPAN	PERATUS (%)
< 21	0	0
21 - 30	13	23.2
31 - 40	29	51.8
41 - 50	7	12.5
51 - 60	6	10.7
> 60	1	1.8
JUMLAH	56	100

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996.

CARTA 3.6: PAI MENUNJUKKAN JANTINA RESPONDEN



Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996.

Golongan responden yang ketiga terbesar (22.1%) adalah dalam lingkungan umur 41 hingga 51 tahun. Hanya 2.1% sahaja responden berumur lebih dari 51 tahun. Mereka merupakan golongan tua yang paling sedikit terpilih menjadi responden. Ini disebabkan kebanyakannya golongan tua ini tidak lagi menjadi ketua rumah malah mereka terpaksa ditanggung oleh anak mereka untuk menyara kehidupan harian mereka.

Dari segi jantina pula, majoriti (99%) ketua rumah tangga adalah lelaki (lihat carta 3.6). Hanya seorang perempuan sahaja iaitu seorang janda yang menjadi ketua keluarga mempunyai ahli keluarga seramai empat orang.

3.7.2 Taraf Perkahwinan

Sebilangan besar responden (97.9%) telah mendirikan rumah tangga dan selebihnya terdiri seorang janda dan duda (lihat jadual 3.11). Hampir semua responden yang ditemu bual masih kekal dalam ikatan perkahwinan. Seorang daripada responden lelaki tidak pernah berkahwin; beliau tinggal serumah dengan pasangan wanitanya dan telah memiliki seorang anak kandung lelaki yang berumur kira-kira setahun lebih. Mereka terdiri dari kalangan etnik Visayas yang beragama Kristian.

Jadual 3.11
Status Perkahwinan Responden

STATUS PERKAHWINAN	BILANGAN RESPONDEN	PERATUSAN (%)
Bujang	0	0
Berkahwin	52	92.9
Janda	1	1.8
Duda	2	3.6
Tinggal bersama Tanpa Kahwin	1	1.8
JUMLAH	56	100

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996.

Biasanya, pendatang Filipina di Kampung Bakau melangsungkan perkahwinan mereka melalui pihak Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), di Lahad Datu. Namun mereka yang bukan warga negara mesti mengikuti syarat-syarat tertentu⁵ seperti berikut:

⁵ Temu bual dengan **Ustaz Abidin Bin Syukur** Pegawai Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) Cawangan Lahad Datu pada 7 Jun 1996.

- I) Pendatang Sah (mempunyai dokumen yang Sah) mesti mempunyai surat izin dari negara asal mereka - barulah pihak MUIS, Lahad Datu memberarkan mereka berkahwin melalui Mahkamah Syariah di Bahagian Tawau.
- II) Jika perempuan atau lelaki merupakan masyarakat pendatang (warga asing Filipina atau Indonesia) dan lelaki atau perempuan orang tempatan, mereka dibenarkan berkahwin atau bernikah jika pendatang itu memiliki “*Sijil Banci*” yang sah.

Kedua-dua pendatang sama ada pasangan dari Indonesia atau Filipina yang mempunyai “dokumen banci” atau “sijil banci” boleh dikahwinkan tetapi melalui Mahkamah Syariah di Bahagian Tawau. Oleh kerana pihak MUIS, Lahad Datu tidak memberikan kelonggaran atau tidak memberarkan pendatang tanpa izin berkahwin, maka sebab itulah kebanyakan mereka mencari imam-imam yang tidak bertauliah untuk menikah. Melalui imam-imam ini, mereka tidak perlu mendapatkan surat izin dari negara asal.⁶

3.7.3 Tingkat Pendidikan dan Kemahiran

Taraf pendidikan para responden ditunjukkan dalam jadual 3.12. Dari jadual tersebut didapati 82.1% daripada responden pernah mengikuti pendidikan formal dan 17.9% pula tidak pernah. Dari jumlah itu seramai 6 orang (6.3%) pernah bersekolah di Sabah (Malaysia). Mereka merupakan pendatang Filipina berhijrah ke Sabah semasa kanak-kanak. Setelah sampai di Sabah, ibu bapa mereka telah menghantar mereka

⁶ Sijil-sijil perkahwinan yang diberikan oleh imam yang tidak bertauliah ini adalah “sijil pernikahan palsu”. Pihak imam sengaja meluluskan pernikahan masyarakat pendatang tanpa izin kerana mendapat ganjaran dalam bentuk wang ringgit kira-kira RM 300-500 untuk satu akad nikah. Sindiket-sindiket imam ini juga membolehkan lelaki tempatan mengambil kesempatan berkahwin poligami dengan wanita warga asing.

bersekolah di Sabah. Bagaimanapun, seramai empat orang daripadanya hanya menamatkan sekolah di peringkat menengah bawah iaitu tingkatan satu hingga tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan Agaseh di daerah Lahad Datu (lihat lampiran gambar 19). Dua orang lagi telah menuntut di Sekolah Rendah Pekan I di peringkat sekolah rendah (lihat lampiran gambar 20).

Selain daripada itu, seramai 40 orang (71.4%) responden pernah menerima pendidikan dari negara Filipina. Paling ramai (60%) daripada mereka menamatkan persekolahan dalam peringkat sekolah rendah iaitu diperangkat '*primary & elementary school*'. Kedua teramai (30.6%) menuntut sehingga peringkat Sekolah Tinggi iaitu setakat tingkatan satu hingga empat dan paling sedikit (9.7%) pula di peringkat Kolej. Pendidikan kolej merupakan peringkat yang tertinggi yang pernah dicapai oleh responden.

Jadual 3.12
Tahap Pendidikan Responden

PENDIDIKAN MALAYSIA	BIL.	%	PENDIDIKAN FILIPINA	BIL.	%
Universiti	0	0	Universiti	0	0
Maktab/Kolej (2-3 TH)	0	0	Kolej (4th years)	4	10
Menengah Atas (T4-T6A)	0	0	Sekolah Tinggi (T1-T4)	12	30
Menengah Bawah (T1-T3)	4	66.7	Sek. Rendah Atas (D3-D6)	16	40
Sekolah Rendah	2	33.3	Sek. Rendah Bawah (D1-D2)	8	20
Tadika	0	0	Tadika	0	0
JUMLAH	6	100	JUMLAH	40	100

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996.

Nota: Bilangan Responden Yang Tidak ada Pendidikan Formal = 10 orang (17.9%)

Walaupun seramai 46 orang responden yang menerima pendidikan formal hanya 22 orang (39.3%) daripada mereka boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu (lihat jadual 3.13). Dari jumlah ini enam orang responden sahaja yang boleh membaca dan menulis jawi. Dari segi kemahiran berbahasa, seramai 49 orang (87.5%) responden boleh berbahasa Melayu. Sebilangan kecil (14.3%) sahaja yang boleh berbahasa Inggeris iaitu golongan dewasa yang pernah mendapat pendidikan peringkat kolej di Filipina.

Jadual 3.13
Kemahiran Berbahasa, Menulis Dan Membaca

PERKARA	KEBOLEHAN		
	YA	SEDIKIT	TIDAK
Bahasa Melayu	49 (87.5%)	6 (10.7%)	1 (1.8%)
Bahasa Inggeris	8 (14.3%)	8 (14.3%)	40 (71.1%)
Bahasa Tagaloq	23 (41.1%)	11 (19.6%)	22 (39.3%)
Menulis Rumi	22 (39.3%)	0	34 (60.7%)
Menulis dan baca Jawi	6 (10.7%)	3 (5.4)	47 (83.9%)
Membaca Bahasa Melayu	22 (39.3%)	2 (3.6%)	33 (58.9%)

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996.

Bilangan responden ialah 56 orang.

Walaupun, 46 orang (82.1%) responden pernah menerima pendidikan formal seramai 30 orang (53.6%) sahaja dari mereka bersekolah di peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah rendah, namun sedikit sahaja daripada mereka yang berjaya. Kebanyakan mereka gagal dan ada juga yang tidak dapat meneruskan persekolahan hanya menamatkan persekolahan di peringkat sekolah rendah iaitu setakat darjah tiga atau darjah lima kerana ingin mencari pekerjaan. Selebihnya 10 orang (17.9%) pula tidak mempunyai pendidikan formal.

Keadaan ini berbeza sedikit dengan kajian Ho Ting Seng (1989) mengenai orang Filipina di Sabah kerana bilangan yang tidak mempunyai pendidikan formal di kalangan responden adalah lebih tinggi iaitu 40% (Ho Ting Seng, 1989: 230). Latar belakang pendidikan pendatang Filipina juga berbeza dari penghijrah Filipina di negara lain. Di Jepun misalnya, ramai di kalangan penghijrah-penghijrah Filipina yang datang ke negara tersebut mencapai pendidikan yang lebih tinggi iaitu 53% di peringkat kolej dan 37% di peringkat sekolah tinggi atau menengah (Ballesces, 1993:191). Di samping itu kajian *Institute of Labour and Manpower Studies (ILMS)* di Filipina tahun 1983 mendapati kebanyakan orang-orang Filipina yang mengikat kontrak pekerjaan di seberang laut adalah berpendidikan. Sebanyak 89% daripada mereka telah tamat Sekolah Tinggi (High School) dan satu per tiga (37%) daripadanya adalah lepasan kolej (Go, 1994:211).

Namun, latar belakang pendidikan orang Filipina di Sabah sama seperti pendatang-pendatang di beberapa tempat lainnya seperti di Kampung Bumiputera, Kuala Lumpur dan Felda Bukit Cherakah, Selangor di Semenanjung Malaysia. Ramai (60%-85%) di kalangan pendatang asing yang bekerja di Semenanjung mempunyai tingkat pendidikan di peringkat sekolah rendah hingga menengah bawah (lihat antara lain kajian Khalid Mazlan (1988:116), Mohd Fuad (1994: 38), Ahmad Yuslam (1995:91-92) dan Ahmad Adli Yusoff (1997:38)). Namun begitu kajian Junipah Wandi di daerah Gombak, Selangor (1994/95:98) pula mendapati ramai (44.8%) pendatang Indonesia mendapat pendidikan di peringkat lebih baik iaitu sekolah menengah atas (SMA) hingga universiti.

Dari segi pendidikan isi rumah, kajian ini mendapati seramai 234 orang (48%) dari mereka menerima pendidikan formal (lihat jadual 3.14). Dari jumlah yang berpendidikan formal ini 76.5% daripadanya telah menamatkan sekolah dan 23.5% pula masih bersekolah. Bagaimanapun, sebahagian besar (137 orang) daripadanya menerima pendidikan di peringkat sekolah rendah. Hanya seorang dari isi rumah ini berkelulusan ijazah dari universiti di Amerika Syarikat.

Bagi isi rumah yang pernah menerima pendidikan di Filipina, kebanyakan mereka pernah menuntut di sekolah "*Silangkan Elementary School*" di peringkat rendah, "*Mindanao State High School*" peringkat menengah mana kala "*Mindanao State University*" pula di peringkat pengajian tinggi.⁷ Berdasarkan tinjauan pengkaji, seramai lima orang daripada anak responden masih lagi bersekolah di negara Filipina iaitu dua orang (40%) di peringkat sekolah rendah dan empat orang (60%) menengah. Mereka ini tidak dimasukkan sebagai isi rumah.

⁷ Maklumat dari **Abdul Rauf Bin Asgari** pada 15 Mei 1996.

Jadual 3.14
Tahap Pendidikan Isi Rumah Di Kampung Bakau

PENDIDIKAN MALAYSIA	BIL	PERATUS (%)	MASIH SEKOLAH	PERATUS MASIH SEKOLAH
Universiti	0	0	0	0
Maktab/Kolej	0	0	0	0
Menengah Atas	9	9.7	1	1.8
Menengah Bawah	21	22.6	9	16.4
Sekolah Rendah	62	66.7	44	80
Tadika	1	1.1	1	1.8
JUMLAH	93	100	55	100
PENDIDIKAN FILIPINA	BIL	PERATUS (%)	MASIH SEKOLAH	PERATUS MASIH SEKOLAH
Universiti (USA)	1	0.7	0	-
Kolej	18	12.8	0	-
Sekolah Tinggi	47	33.3	0	-
Sekolah Rendah (A)	51	36.2	0	-
Sekolah Rendah (B)	24	17	0	-
JUMLAH	141	100	0	-

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996.

Nota: Bilangan Isi rumah Yang Tidak Ada Pendidikan Formal = 101 orang (20.7%)

Jumlah Isi rumah= 487 orang (tidak termasuk yang masih sekolah di Filipina).

Jumlah Kanak-kanak belum layak sekolah = 152 orang (31.2%).

Dari jadual 3.14 ini, terdapat seramai 253 orang (60%) dari isi rumah tidak pernah menerima pendidikan formal. Jumlah mereka agak ramai kerana seramai 152 orang (27.3%) daripadanya yang terdiri anak-anak belum mencapai umur 6 tahun iaitu belum layak memasuki sekolah.

Berdasarkan tinjauan di beberapa buah sekolah di Lahad Datu seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Sapagaya, Sekolah Menengah Kebangsaan Agaseh dan Sekolah Kebangsaan Pekan I dan III, didapati kehadiran pendatang Filipina ke Sabah telah mendatangkan masalah terhadap sekolah khususnya dalam pentadbiran berhubung dengan status kewarganegaraan. Ramai di kalangan pendatang tanpa izin Filipina cuba memohon agar anak-anak mereka diterima masuk bersekolah. Bagaimanapun, permohonan ini ditolak kerana mereka bukan warga negara. Sebenarnya Jabatan

Pendidikan Negeri Sabah telah mengadakan polisi untuk mengatasi masalah kedatangan anak-anak pendatang asing ke sekolah-sekolah di Sabah yang dikuatkuasa pada bulan Jun 1995. Syarat-syarat yang terkandung dalam polisi ini adalah seperti berikut:⁸

1. Pendatang Filipina tanpa izin/ yang tidak mempunyai "sijil kelahiran" atau "surat sumpah kelahiran" di Sabah dibenarkan belajar di Sabah dengan mengenakan yuran bulanan sebanyak RM 10 (RM 100 setahun) untuk sekolah rendah dan RM 20 sebulan (RM 200 setahun) untuk sekolah menengah bermula sesi 1995/96 (lihat Daily Express 22 Jun 1995).⁹ Namun kebenaran bergantung kepada kekosongan tempat yang diluangkan oleh pelajar-pelajar tempatan. Ini bermaksud penduduk tempatan diberikan keutamaan khas untuk belajar di sekolah.
2. Pihak Sekolah Menengah secara automatik akan menerima kemasukan pelajar-pelajar pendatang Filipina/Indonesia yang datang dari sekolah rendah tempatan.

⁸ Maklumat dari **Puan Hajah Saida Hj Usman** (Pengetua SMK Sapagaya) pada 18 Jun 1996.

⁹ Sebelum ini, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah mengenal pasti anak-anak pendatang asing kerana terdapat ramai warga negara Malaysia di Sabah yang sedang menuntut, terutamanya di kawasan pedalaman juga tidak memiliki sebarang dokumen seperti sijil kelahiran dan lain-lain. Selain dari itu, terdapat juga pelajar yang tidak mempunyai sijil lahir tetapi mempunyai surat sumpah dan surat akuan bahawa anak mereka kelahiran di sini yang ditandatangani oleh Ketua Anak Negeri atau Ketua Kampung.

Menurut Puan Hajah Saida Hj Usman, pengetua SMK Sapagaya, Lahad Datu ramai warga pendatang asing yang mempunyai sijil kelahiran atau surat sumpah kelahiran di Sabah datang mendaftar ke sekolahnya lewat dari umur kelayakan memasuki persekolahan. Bagaimanapun, mereka dibenarkan memasuki sekolah dengan dikategorikan sebagai “*daftar lewat*.” Tambahnya lagi, ramai daripada mereka merupakan anak-anak pendatang Filipina yang datang dalam tahun 1970 an. Pihak sekolah tidak menerima mereka yang datang selepas tahun 1980 an.¹⁰

Justeru itu pada hari ini sebahagian daripada ibu bapa pendatang tanpa izin Filipina ini berusaha mendapatkan sijil beranak atau surat sumpah palsu agar anak mereka boleh bersekolah. Seboleh-bolehnya mereka inginkan hak yang sama seperti yang diterima oleh anak-anak tempatan. Misalnya mereka tidak mahu dikenakan yuran sekolah yang begitu tinggi. Akibatnya pihak-pihak pentadbiran sekolah sering menemui dan mengenal pasti surat-surat sumpah atau sijil beranak palsu yang dibeli oleh ibu bapa mereka yang digunakan semata-mata untuk membolehkan anak mereka bersekolah di Sabah.¹¹

3.7.5 Tingkat Kemahiran

Dari jadual 3.15, didapati responden mempunyai kemahiran dalam bidang pertukangan seperti tukang kayu, tukang emas, tukang plaster (simen), tukang mamar, tukang cat, membuat perabot dan kraftangan. Kemahiran yang dimiliki ini bukan sahaja dipelajari semasa bekerja di negara Filipina duhulu tetapi juga dipelajari setelah bekerja

¹⁰ Ibid **Puan Hajah Saida Hj Usman**.

¹¹ Ibid **Puan Hajah Saida Hj Usman**.

di Sabah. Sebahagian besar daripada pendatang Filipina mempunyai kemahiran dalam tukang kayu (62.5%). Ini adalah kerana, kebanyakannya mereka pernah atau masih terlibat dengan pekerjaan di sektor pembinaan. Justeru itulah, sebahagian besar dari rumah mereka adalah dibina sendiri oleh responden.

Jadual 3.15
Tingkat Kemahiran Responden

KEMAHIRAN	KEBOLEHAN (YA)	
	BIL	%
BERTUKANG		
Tukang Kayu	35	62.5
Tukang Emas	1	1.8
Tukang Plaster (simen)	2	3.6
Tukang Mamar	1	1.8
Tukang Cat	2	3.6
TIDAK MAHIR	15	26.8
JUMLAH	56	100
KARFTANGAN		
Tukang Perabot	17	30.4
Beg Tangan	1	1.8
Frame Gambar	2	3.6
Tidak Mahir	36	64.3
JUMLAH	56	100

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996.

Seramai 30.4% daripada responden berkemahiran untuk membuat perabot seperti almari pakaian, almari perhiasan, kerusi dan meja. Lain-lain kemahiran yang ada pada mereka termasuk kraftangan membuat beg tangan (1.8%) dan tukang emas (1.8%). Kemahiran ini digunakan sebagai modal untuk menjalankan perniagaan di Kampung Bakau.

3.8.6 Taraf Kewarganegaraan Responden

Berdasarkan tinjauan di Kampung Bakau 25 orang (44.6%) responden dan 25 orang (47.2%) isteri responden telahpun mendapat taraf kewarganegaraan (lihat jadual 3.16). Selebihnya seramai 31 orang (55.4%) responden dan 28 orang (52.7%) isteri responden merupakan warga Filipina. Mereka adalah terdiri daripada pendatang tanpa izin, pelarian dan sebagai penduduk sementara di Sabah.

Jadual 3.16
Taraf Kewarganegaraan Responden Dan Isteri

TARAF WARGA NEGARA	RESPONDEN		ISTERI	
	BIL	%	BIL	%
Malaysia	25	44.6	25	47.2
Pendatang tanpa izin/ Pelarian Filipina	27	48.2	27	50.9
Pendatang Asing Filipina (ada pasport)	3	5.4	0	0
Penduduk Sementara (ada I/C merah)	1	1.8	1	1.8
JUMLAH	56	100	53	100

Sumber: Borang Soal Selidik Pada Mei hingga Jun 1996.

Sebahagian masyarakat pendatang ini memperolehi taraf kewarganegaraan dalam tempoh kurang daripada 10 tahun. Ini bertentangan dengan prosedur kelayakan yang ditetapkan oleh "Perkara 19" Perlembagaan Malaysia. Perkara 19 (fasal 3) menyatakan;

"Tempoh-tempoh kemastautinan di Persekutuan atau bahagiannya yang berkaitan yang dikehendaki untuk memberi satu perakuan masukan ialah tempoh-tempoh yang semuanya berjumlah tidak kurang dari sepuluh tahun dalam masa dua belas tahun sebelum sahaja tarikh permohonan perakuan itu, dan tempoh-tempoh itu adalah termasuk tempoh 12 bulan sebelum tarikh permohonan itu."

(Perlembagaan Malaysia, 5 Julai 1995:22)

Soal taraf kewarganegaraan etnik Filipina di Sabah biasanya dikaitkan dengan sindiket-sindiket kad pengenalan palsu dan penyelewengan oleh orang tertentu termasuk ahli politik yang menyokong pendatang Filipina ini diberikan taraf kewarganegaraan (lihat bab 7). Adalah dirumuskan bahawa sebahagian masyarakat Filipina ini telahpun menjadi penduduk tetap Malaysia. Keadaan yang sama telah ditemui di Kawasan Pulau Gaya, Kota Kinabalu di mana sebahagian besar pendatang asing Filipina (64.5%) telahpun mendapat taraf kewarganegaraan (Zulkiflie Hassan, 1993/94:45-46). Sementara kajian Rafidah Karaman di tempat yang sama di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, mendapati seramai 18% (9 orang) pendatang Filipina yang pernah berstatus pelarian telah memiliki taraf kewarganegaraan Malaysia (Rafidah Karaman, 1989:59).